



**C**UTI semester kedua pengajian di kampus telah berakhir. Ramai siswa siswi telah mula membanjiri kampus, sebelum ini suasana kampus lengang dan sunyi sepi, namun dengan bermulanya pengkuliahannya, suasana ceria mula kelihatan. Seolah-olah kehidupan di kampus kembali hidup dengan pelbagai gelagat siswa siswinya. Dalam kesibukan tersebut jangan dilupakan juga kepada kedua ibu bapa yang berada di kampung halaman. Maklumlah kehidupan di kampus ini memerlukan sepenuhnya komitmen kepada akademik, namun kegiatan kokurikulum juga jangan diabaikan. Ini disebabkan melalui kegiatan kokurikulum sama ada mendapat jam kredit ataupun tidak merupakan titik tolak kepada kecergasan fikiran kita dan mengasah kredibiliti sebagai seorang mahasiswa. Seorang mahasiswa perlu berani dan bijak dalam mengatur kehidupan di kampus. Pilihlah jalan yang boleh membawa kebaikan kepada diri dan semua warga kampus.

Harga diri juga jangan dilupakan dalam mengejar nama sebagai seorang yang popular. Popular ke arah kebaikan adalah lebih dihormati daripada popular ke arah keburukan. Ini disebabkan daripada pengalaman yang lepas ada beberapa kes yang sukakan popular sehinggakan sanggup meruntuhkan dan memburuk-burukkan rakan baik sendiri. Walaupun untuk mencapai matlamat dengan cara tersebut tercapai namun di mana letaknya nilai-nilai murni yang telah diasuh semenjak kecil oleh kedua ibu bapa dan juga guru-guru di sekolah. Dalam erti kata lain matlamat tidak pernah menghalalkan cara yang salah. Jadi sebagai seorang mahasiswa yang bijak harus meletakkan nilai dan moral di depan sebelum bergelar juara dalam semua perkara. Penulis suka berkongsi beberapa kes mengenai kesanggupan rakan-rakan baik yang menikam rakan dari belakang dan memburuk-burukkan rakan yang selama ini sanggup membantu di dalam susah mahupun senang semasa bergelar seorang pelajar. Walaupun kita dikehendaki berbakti tanpa meminta dibalas namun sekiranya perangai dan sifat sebegitu diamalkan sudah tentu akan menakutkan semua orang untuk menghulurkan bantuan kepada orang yang lain. Justeru itu dalam meningkatkan sifat-sifat kepimpinan dalam diri seseorang perlu mempunyai sifat kesabaran yang tinggi dan bersedia menjadi seorang yang bijak memanipulasikan.

Lantaran itu sebagai seorang mahasiswa yang akan menjawat pelbagai jawatan sama ada dalam sektor swasta mahupun sebagai penjawat awam perlu bersedia untuk melatih diri menjadi seorang yang bijak dan berakal dalam menjalankan tugasnya kelak. Di samping itu juga sikap hasad dengki, bermuka-muka juga

harus dihindari dalam segenap perkara. Apa yang menjadi perkara pokok, yang diperlukan dalam pergaulan mahupun mentadbir adalah kemahiran berkomunikasi dan tidak menyalahgunakan kemahiran komunikasi untuk merosakkan nama baik rakan-rakan sendiri. Keadaan tersebut perlu ditanam dalam diri bahawa Tuhan amat memurkai manusia yang bijak berkata-kata namun merosakkan nama orang lain. Dalam agama Islam sendiri mengatakan fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh. Justeru itu berhati-hatilah setiap kali bertutur dan berkata-kata supaya setiap perkataan yang dikeluarkan tidak menyakiti hati rakan-rakan sendiri. Apa gunanya berwajah cantik dan mempunyai kepintaran sekiranya setiap perkataan yang dituturkan boleh mengguriskan hati dan perasaan orang lain. Berapa banyak kes yang sebegitu berlaku dan penulis mengambil pendekatan yang lebih realistik semasa berhadapan dengan golongan tersebut dengan memberikan perbezaan didikan ibu bapa, budaya, adat dan sebagainya. Sekiranya keadaan tersebut berlarutan dengan tutur kata yang tajam, bisa dan menyakiti hati rakan-rakan lama-kelamaan dirinya akan dipinggirkan, maka hiduplah seperti kera yang sumbang semasa di dewan kuliah mahupun dalam sebarang aktiviti. Justeru itu dalam jangka masa panjang juga lelaki mahupun perempuan akan sukar untuk menaruh minat dan memilih untuk menjadi pasangan. Mungkin penulis boleh juga berkongsi beberapa kes mengenai sesetengah wanita lambat berkahwin. Walaupun bukan keseluruhan namun boleh digunakan sebagai iktibar untuk membuat perubahan sikap ke arah yang lebih positif. Bukannya disebabkan tidak cantik dan tidak lawa, tidak kacak, malah bergaji tinggi dan berkedudukan namun apabila bertutur kata kesopanannya jauh panggang dari api. Malah lebih dominan dan sukakan desakan-desakan kepada pasangannya. Lantaran itu setiap tutur kata boleh mencerminkan keperibadian seseorang.

Kebiasaannya apa yang dilontarkan mencerminkan apa yang ada di dalam mindanya dan hatinya juga. Kalau baik tutur katanya maka baiklah keperibadiannya. Makanya menjadi cermin kepada didikan dan latar belakang kedua ibu bapanya. Justeru itu budaya dan kesopanan bangsa juga semakin terhakis dan secara tidak langsung kempen oleh kerajaan mengenai budi bahasa budaya kita juga akan gagal. Lantaran itu setiap orang, segenap lapisan masyarakat perlu melatih diri untuk hidup saling berbudi bahasa, gunakan tutur kata yang sopan semasa berinteraksi dengan rakan-rakan, kakitangan, masyarakat dan sebagainya. Warisilah anak-anak anda dengan adab dan sopan yang menjadi kebanggaan negara kita.

**\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS**